

Pembinaan terowong ECRL punca tanah mendap di Lebuh Raya Karak

Kuala Selangor: Kejadian tanah mendap berhampiran Plaza Tol Bentong di Kilometer (KM) 66.1, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, dikenal pasti disebabkan pembinaan terowong laluan Rel Pantai Timur (ECRL), kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

“Punca peringkat awal ini kerana pembinaan terowong di bawah projek rel ECRL,” katanya.

Beliau berkata, kerja baik pulih dijangka selesai petang semalam dan laluan itu boleh digunakan semula jam 7 petang semalam.

“Sebelum datang ke sini, saya telah pergi ke tempat kejadian (tanah mendap), saya agak berpuas hati kerana kerja pemulihan dibuat dengan cepat, pukul 7 ini (semalam) dijangka boleh digunakan semula,” katanya kepada pemberita selepas melawat kerja pembinaan Seksyen 6, Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE), di sini semalam.